



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**PROSES PEMAHAMAN TEKS AKADEMIK DALAM KALANGAN  
PELAJAR UNIVERSITI**

**YAHYA BIN OTHMAN**

**FPP 2006 14**



**PROSES PEMAHAMAN TEKS AKADEMIK DALAM KALANGAN PELAJAR  
UNIVERSITI**

**Oleh**

**YAHYA BIN OTHMAN**

**Tesis ini Dikemukakan Kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti  
Putra Malaysia, Sebagai Memenuhi Keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah**

**Jun 2006**



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia  
sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah

**PROSES PEMAHAMAN TEKS AKADEMIK DALAM KALANGAN PELAJAR  
UNIVERSITI**

Oleh

**YAHYA BIN OTHMAN**

**Jun 2006**

**Pengerusi : Ghazali bin Mustapha, PhD**

**Fakulti : Pengajian Pendidikan**

Penyelidikan bertujuan untuk mengkaji dan menyiasat proses pemahaman teks akademik dalam kalangan pelajar universiti. Untuk tujuan tersebut, pengkaji meneliti perspektif responden terhadap konsep membaca, penggunaan strategi pemahaman teks, respons membaca dan kesukaran memahami teks. Penyelidik menggunakan kaedah kualitatif yang melibatkan 8 responden pelajar yang dipilih dalam kalangan pelajar Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia. Pengkaji menggunakan kaedah temu bual membaca, pemerhatian aktiviti bacaan dan penulisan jurnal membaca sebagai alat pengumpulan data. Dua buah petikan teks yang sesuai dengan tahap pelajar telah digunakan berdasarkan indeks kebolehbacaan. Dapatan kajian mendapati pernyataan responden berkaitan pemahaman membaca lebih menekankan perspektif kognitif. Ini disebabkan wujudnya keperluan pelajar untuk menguasai



teks akademik terutama teks yang berkaitan dengan bidang pengajian. Dari segi aplikasi strategi pemahaman membaca, responden didapati menggunakan strategi metakognitif, kognitif dan afektif. Walau bagaimanapun, strategi meta kognitif agak terbatas penggunaannya disebabkan kesedaran sendiri responden agak kurang semasa memahami teks. Keadaan ini juga disebabkan oleh faktor kurangnya kesedaran dari segi perancangan, pemantauan dan penilaian semasa membaca. Sementara itu, penggunaan strategi afektif mendorong responden untuk meneruskan pembacaan. Pernyataan tahap membaca pula menunjukkan responden memiliki tahap membaca yang pelbagai dan banyak dipengaruhi oleh jenis teks yang dibaca. Berdasarkan respons membaca pula, responden banyak memberikan reaksi dari aspek organisasi dan penggunaan bahasa pengarang. Dari segi kesukaran dalam proses pemahaman pula, responden banyak memberikan justifikasi berkaitan tahap kesukaran teks dan hubungan teks dengan bidang pengajian. Berdasarkan kajian ini, pengkaji membina Inventori Strategi Pemahaman Membaca (ISPEM) yang boleh digunakan untuk mengenal pasti strategi pemahaman terutama yang melibatkan metakognitif.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in  
fulfilment of the requirement for the degree of Doctor of Philosophy

**THE PROCESS OF COMPREHENDING ACADEMIC TEXTS AMONG  
UNIVERSITY STUDENTS**

By

**YAHYA BIN OTHMAN**

**June 2006**

**Chairman : Ghazali bin Mustapha, PhD**

**Faculty : Educational Studies**

This research aims to study and investigate the process of comprehending academic texts among university students. The researcher focuses on the respondents' perspectives towards the concepts of reading, the usage of strategies in comprehending texts, the responses when reading and difficulties in comprehending the text. The researcher uses the qualitative method where 8 students were randomly picked among the students in the Faculty of Educational Studies of University Putra Malaysia. Methods such as interviews, observation of reading activities and writing of reading journals are used for data collection. Two excerpt which are suitable of university level were used as a text for the study. The finding show that the reading comprehension inclines more towards the cognitive perspectives, where the need to comprehend academic-related reading materials is crucial especially those related to the field of study. In the application of reading comprehension strategies, respondents are using



the metacognitive, cognitive and affective strategies. However, metacognitive strategies are limited in usage where there are lacking self-awareness when understanding the texts. Additionally, the lack of awareness in organising, observing and assessing when reading is also the cause. On the other hand, the affective strategy acts as a motivator in encouraging the respondents to continue with their reading. The level of reading shows that respondents have a variety of reading abilities that are influenced by the type of the texts being read. As for the reading response, respondents reacted more towards organisation aspects and author's language usage, give justification on the level of difficulty of the text and the relation of the text with their field of study. Based on this research, the 'Inventori Strategi Pemahaman Membaca (ISPEM)' which can be used to identify the comprehension strategies which involves metacognitive is formulated.

## PENGHARGAAN

Bersyukur ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan limpah dan kurniaNya dapat saya menyiapkan tesis ini. Saya juga ingin memanjatkan kesyukuran kerana dengan berkat kebesaran dan kekuasaanNya, saya dapat menukikan ilmu yang sedikit ini sebagai satu cara untuk disebarluaskan dengan harapan dapat dimanfaatkan.

Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Dr. Ghazali Mustapha selaku pengerusi jawatankuasa penyeliaan serta Profesor Madya Dr. Putri Zabariah Megat Abdul Rahman dan Dr. Shamsudin Ahmad sebagai penyelia yang banyak memberikan didikan dan bimbingan untuk menyiapkan tesis ini.

Ucapan terima kasih juga saya tujukan kepada Dr. Roselan Baki yang banyak membimbing serta rakan-rakan lain di Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia atas dorongan dan sokongan.

Sekalung penghargaan dan terima kasih di atas galakan yang diberikan oleh ayah dan bonda, isteri tercinta, Hajah Zaharah Bachek serta anak-anak tersayang, Muhamad Nuruddin, Muhammad Zahid, Muhamad Zulhilmi, Muhammad 'Arif, dan Nurul Hanisah yang sentiasa mendoakan kejayaan ini.



Saya mengesahkan bahawa Jawatankuasa Peperiksaan Tesis bagi Yahya bin Othman telah mengadakan peperiksaan akhir pada 7 Jun 2006 untuk menilai tesis Doktor Falsafah beliau yang bertajuk “Proses Pemahaman Teks Akademik Dalam Kalangan Pelajar Universiti” mengikut akta Universiti Pertanian Malaysia (Ijazah Lanjutan) 1980 dan Peraturan-peraturan Universiti Pertanian Malaysia (Ijazah Lanjutan) 1981. Jawatankuasa Peperiksaan Tesis memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah tersebut. Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut

**Abdul Rasid Jamian, PhD**

Pensyarah  
Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Kamariah Abu Bakar, PhD**

Profesor  
Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia  
(Pemeriksa Dalam)

**Fauziah Hassan, PhD**

Pensyarah  
Fakulti Pengajian Pendidikan,  
Universiti Putra Malaysia  
(Pemeriksa Dalam)

**Dato' Zalizan Mohd. Jelas, PhD**

Profesor  
Fakulti Pendidikan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
(Pemeriksa Luar)

---

**HASANAH MOHD. GHAZALI, PhD**

Profesor/Timbangan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:





Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

**Ghazali Mustapha, PhD**

Pensyarah  
Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Putri Zabariah Megat Abd. Rahman, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

**Shamsudin Ahmad, PhD**

Pensyarah  
Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

---

**AINI IDERIS, PhD**

Profesor / Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:



## PERAKUAN

Saya mengaku bahawa tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli melainkan petikan dan sedutan yang telah diberi penghargaan di dalam tesis. Saya juga mengaku bahawa tesis ini tidak dimajukan untuk ijazah-ijazah lain di Universiti Putra Malaysia ataupun institusi pengajian yang lain.

YAHYA BIN OTHMAN

Tarikh: 19 September 2006



## JADUAL KANDUNGAN

### Muka surat

<b>ABSTRAK</b>	ii
<b>ABSTRACT</b>	iv
<b>PENGHARGAAN</b>	vi
<b>PENGESAHAN</b>	vii
<b>PERAKUAN</b>	ix
<b>SENARAI JADUAL</b>	xiii
<b>SENARAI RAJAH</b>	xiv
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xv

### BAB

<b>I</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	
	Latar Belakang Kajian	1
	Membaca Teks Akademik	7
	Pernyataan Masalah	10
	Soalan Kajian	15
	Kepentingan Kajian	16
	Batasan kajian	19
	Definisi Operasional	20
	Proses membaca	20
	Pemprosesan Maklumat	20
	Strategi Membaca Kognitif	21
	Strategi Membaca Metakognitif	21
	Strategi Membaca Afektif	22
	Respons Membaca	22
	Jurnal Respons Membaca	23
<b>II</b>	<b>TINJAUAN LITERATUR</b>	
	Pengenalan	23
	Teori Konstruktivisme dan Proses Pemahaman	24
	Model Membaca	30
	Model Membaca Atas Ke Bawah	31
	Model Membaca Bawah Ke Atas	36
	Model Membaca Interaktif	37
	Model Mental Membaca	40
	Model Penilaian Membaca	41
	Teori Skemata dan Proses Membaca	44
	Pemprosesan Maklumat Dalam Membaca	50
	Metakognitif Dalam Membaca	51
	Kognitif Dalam Membaca	54
	Afektif Dalam Membaca	56



Strategi Pemahaman Membaca	58
Pembaca	65
Respons Pembaca	71
Membaca Teks Akademik	79
Kajian Berkaitan	84
Pemahaman	84
Strategi Membaca	98
Kesimpulan	111
<b>III METODOLOGI KAJIAN</b>	
Pengenalan	114
Reka Bentuk Kajian	115
Andaian Kajian	118
Pemilihan Responden Kajian	120
Tempat Kajian	124
Tempoh Kajian	126
Peranan Penyelidik	127
Prasangka dan Anggapan Penyelidik	129
Pemilihan Teks Bacaan	131
Kebolehbacaan teks	134
Pengesahan pakar	135
Batasan Kajian	136
Prosedur Pelaksanaan Kajian	136
Kaedah Pengumpulan Data	138
Temu Bual	139
Pemerhatian	141
Penulisan Jurnal Respons Membaca	144
Penganalisan Data	145
Mengekod Data Temu Bual	146
Analisis Data Pemerhatian	147
Analisis Jurnal Membaca	148
Pembinaan Tema	148
Kesahan dan Kebolehpercayaan Data	150
Kajian Rintis	154
Kesesuaian Prosedur Kajian	155
Bilik Temu Bual dan Aktiviti Membaca	156
Kesesuaian Teks	156
Kesesuaian Prosedur Temu Bual	157
Penulisan Nota Respons Membaca	158
Ringkasan Prosedur Kajian	159
<b>IV DAPATAN KAJIAN</b>	
Pengenalan	160
Persepsi Konsep Membaca	161
Strategi Membaca	174
Perspektif Strategi Kognitif	174



Perspektif Strategi Metakognitif	183
Kesedaran Metakognitif	190
Merancang Kesedaran Kendiri	191
Memantau Kesedaran Teks	192
Menilai Kesedaran Tugasan	195
Strategi Afektif	197
Respons Terhadap Teks	202
Kandungan Teks	203
Organisasi Teks	205
Kesukaran Dalam Memahami Teks Akademik	206
Kesukaran berkaitan teks	207
Kesukaran Pembaca	209
<b>V RUMUSAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN</b>	
Pengenalan	212
Rumusan Kajian	212
Perspektif Terhadap Proses Membaca	212
Strategi Membaca	217
Kesedaran Metakognitif Dalam Membaca	221
Respons Terhadap Teks	226
Kesukaran Memahami Teks	229
Kesimpulan Rumusan Kajian	233
Kekuatan dan Kelemahan Dalam Prosedur Pengumpulan Data	234
Implikasi Kajian	236
Implikasi Terhadap Strategi Pemahaman	236
Implikasi Terhadap Teori	239
Implikasi Terhadap Penulisan Teks Akademik	242
Implikasi Terhadap Pengajaran Pemahaman	244
Sumbangan Kepada Bidang Kajian	247
Cadangan Terhadap Kajian Lanjutan	248
<b>BIBLIOGRAFI</b>	250
<b>LAMPIRAN</b>	
<b>BIODATA PENULIS</b>	



## SENARAI JADUAL

Jadual		Muka surat
1	Klasifikasi awal strategi membaca berdasarkan kognitif dan metakognisi (Brown, 1994)	63
2	Taburan demografi responden kajian	121
3	Jadual pengumpulan data	126
4	Pernyataan konsep membaca aspek memahami	162
5	Pernyataan konsep membaca aspek analisis	163
6	Pernyataan proses membaca aspek amalan berfikir	165
7	Pernyataan konsep membaca aspek pengetahuan lalu	167
8	Pernyataan proses membaca aspek dalaman sendiri	169
9	Strategi membaca pantas	176
10	Strategi menuliskan nota	177
11	Strategi perbincangan	178
12	Pembinaan soalan berdasarkan pemahaman teks	179
13	Skemata kandungan	180
14	Skemata linguistik	182
15	Kesedaran sendiri	191
16	Kesedaran teks	194
17	Kesedaran tugas	195
18	Perspektif afektif berdasarkan sikap terhadap membaca	199
19	Respons kandungan teks	203

20	Respons organisasi teks	205
21	Kesukaran memahami faktor teks	208



## SENARAI RAJAH

<b>Rajah</b>		<b>Muka surat</b>
1	Model pemahaman membaca dan penilaian	41
2	Model pemahaman membaca	42
3	Kognisi dan metakognisi menurut Beyer (1992)	65
4	Ciri-ciri pembaca	68
5	Lingkarannya pembaca yang lemah	70
6	Lingkarannya pembaca yang baik	70
7	Kerangka teori kajian	113
8	Ringkasan prosedur kajian	159
9	Perspektif konsep membaca	173
10	Strategi membaca kognitif	175
11	Strategi metakognitif dalam proses membaca	184
12	Pemahaman membaca berdasarkan kesedaran metakognitif	197
13	Strategi afektif dalam membaca	198
14	Kesukaran pemahaman	207
15	Rumusan kajian	233





## SENARAI SINGKATAN

<b>R</b>	Responden Kajian
<b>ISPEM</b>	Inventori Strategi Pemahaman Membaca
<b>STPM</b>	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia
<b>BM</b>	Bahasa Melayu



# **BAB I**

## **PENDAHULUAN**

### **Latar Belakang Kajian**

Membaca adalah gerbang kepada pembelajaran dan bersesuaian dengan tuntutan ke arah pembentukan masyarakat bermaklumat. Kebolehan membaca akan membantu penguasaan ilmu pengetahuan dengan lebih berkesan kepada pelajar. Dalam konteks pembelajaran di institusi pengajian tinggi, proses membaca yang dilalui pelajar bukan sekadar untuk memahami teks secara literal tetapi juga pada tahap berdasarkan inferens. Untuk mencapai tujuan tersebut, pembaca tidak sekadar memahami secara eksplisit tetapi menganalisis makna teks secara mendalam.

Melalui membaca, pembaca berupaya menunjukkan keupayaan menyatakan secara verbal perkataan yang terdapat di dalam teks, tetapi merangkumi keperluan pembinaan makna melalui inferens dan interpretasi teks (Pearson, 1985). Menurut Pearson lagi, proses membaca dikaitkan dengan revolusi pemahaman (*the comprehension revolution*). Untuk mencapai tujuan tersebut, perubahan paradigma terhadap membaca perlu dilakukan iaitu dari pandangan tradisional membaca yang berasaskan behaviourisme kepada yang lebih komprehensif dengan penekanan kepada kognitif.

Sehubungan itu, proses membaca menekankan penguasaan sesuatu maklumat yang diperoleh dari teks dengan matlamat akhirnya untuk difahami. Untuk memahami teks dengan baik, pembaca perlu memiliki sejumlah pengetahuan lalu yang tersimpan di dalam ingatan jangka panjang yang diorganisasikan melalui pemrosesan maklumat (Woolfolk, 2004). Di samping itu, pembaca yang lebih matang didapati lebih berkebolehan untuk membina makna dan faktor ini juga mempengaruhi pemahaman mereka (Dagostino & Carifio, 1994). Ini disebabkan kebolehan membina makna dalam pemahaman sering dikaitkan dengan aspek kognitif yang secara umumnya melibatkan kebolehan pembaca mengawal proses membaca.

Dalam hal ini, Folger (2001) mengemukakan pandangan bahawa kebanyakan pembaca yang lebih dewasa berkebolehan mengaitkan antara pengalaman kehidupan dengan teks yang dibaca. Melalui hubungan ini, pembaca menggunakan tahap pemikiran aras tinggi secara meluas. Folger juga menekankan penglibatan pembaca dengan strategi metakognitif semasa membaca, dengan pembaca mengawal sendiri secara sedar aktiviti yang dilakukan untuk memahami teks. Di samping itu, Irwin (2003) pula dengan berpandukan *Personal Construct Theory*, menyatakan bahawa domain kognitif dan afektif membantu pembaca terlibat dengan proses membaca dengan lebih berkesan. Berdasarkan teorinya, pembaca dikatakan membaca secara konstruktif untuk membentuk pemahaman dengan mengaitkannya dengan faktor tujuan, keadaan membaca, jantina, sikap, dan tingkah laku keluarga.

Bagi menekankan lagi kepentingan domain kognitif dan afektif dalam proses membaca, Doyle (2001) menyatakan perlunya pelajar universiti mengetahui pengaruh dan fungsi domain afektif dan kognitif semasa membaca. Ini disebabkan mereka perlu meneliti, menganalisis, dan membuat tafsiran maksud teks.

Sehubungan itu, Goodman (1967) mendapati pembaca membaca teks adalah untuk tujuan pemahaman. Oleh itu, pembaca mempunyai pegangan sendiri tentang konsep membaca dan kebanyakan mereka memahami membaca sebagai proses untuk mendapatkan makna. Dalam konteks membaca bagi pelajar yang lebih matang, isunya bukan membaca secara kuat tetapi penggunaan pengetahuan dan kesedaran metakognitif agar kebolehan memahami dapat dimanfaatkan dengan lebih baik.

Proses membaca teks juga memberi peluang kepada pembaca untuk memperluaskan capaian maklumatnya dengan penekanan kepada aspek kognitif (Smith, 1994). Menurutny lagi, kuasa membaca dapat memberikan pembaca peluang untuk mengaitkan pengalaman lalu dengan peristiwa semasa. Bagi pembaca, penerokaan yang dilakukan semasa membaca banyak memberikan input berguna terutama yang melibatkan teks akademik.

Dalam konteks pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu (BM) di peringkat menengah atas pula, penguasaan kemahiran membaca dikaitkan dengan proses membaca untuk mendapatkan maklumat sesuai dengan matlamat kurikulum BM. Ini kerana kurikulum tersebut bertujuan untuk

melengkapkan pelajar dengan keterampilan berbahasa dan berkomunikasi untuk keperluan diri dalam bidang pendidikan, pekerjaan dan urusan harian (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2000). Oleh itu, pelajar membaca teks untuk mencari maklumat, memahaminya serta menggunakan maklumat tersebut dalam konteks yang pelbagai. Mereka mampu menggunakan isi kandungan teks yang dibaca untuk menguasai ilmu dengan lebih berkesan.

Dalam hubungan ini, Adam (1990) menganggap membaca sebagai proses menerima maklumat, menyatakan pengalaman, perasaan, emosi, dan konsep. Manakala dalam kalangan pelajar yang lebih dewasa dan matang, keupayaan membaca untuk pemahaman banyak bergantung kepada kebolehannya menganalisis kandungan teks tersebut serta menyesuaikan dengan kehendak tugas yang diberikan kepadanya.

Sehubungan itu, dalam konteks yang lebih luas, proses membaca dapat memberikan pembaca pandangan dunia yang lebih jelas serta pengalaman yang dapat membantu mereka memahami makna teks secara ekstensif (Nuttal, 2002). Untuk tujuan tersebut, pembaca perlulah memahami bahasa yang digunakan oleh penulis jika ingin memahami teks secara berkesan.

Dalam proses membaca, pemahaman terhadap kandungan teks yang dibaca merupakan matlamat utama yang perlu dicapai oleh pembaca. Mereka bukan sahaja dapat mengetahui mesej yang disampaikan oleh penulis tetapi dapat menjawab persoalan yang ditimbulkan dan mampu merumuskan kandungannya. Untuk tujuan tersebut, pembaca perlu berkemampuan

mengorganisasikan kandungan teks dengan skemata yang dimiliki berdasarkan teks yang dibaca (Smith, 1994). Di samping itu, proses memahami teks dengan menggunakan strategi yang sesuai juga mempengaruhi kemampuan pelajar untuk menguasai teks yang dibaca. Strategi membaca dalam proses membaca digunakan terutama untuk membantu pelajar menguasai kandungan teks dengan lebih baik lagi. Hal ini demikian kerana keupayaan kognitif semasa menganalisis kandungan teks dapat membantu pelajar mendapatkan mesej yang disampaikan oleh pengarang dengan lebih jelas lagi.

Proses membaca teks boleh dilihat dari perspektif perancangan, pemantauan, dan penilaian dalam membaca. Ketiga-tiga aspek tersebut perlu dilihat secara bersepadu dan saling melengkapi. Kemampuan pelajar memahami teks sangat perlu diberikan perhatian, terutamanya untuk mempertingkatkan pengetahuan isi kandungan secara optimum. Pembaca sering dianggap berperanan sebagai pemproses maklumat yang aktif (Harris & Pressley, 1991; Pearson & Fielding, 1991; Pressley & Afferbach, 1993). Untuk memproses maklumat secara berkesan, pembaca perlu menggunakan keupayaan kognitif melalui proses berfikir sambil merancang strategi membaca yang sesuai ketika membaca.

Keupayaan penguasaan membaca untuk membina makna sering diberikan penekanan agar dapat meningkatkan penguasaan pemahaman membaca pelajar. Oleh itu, proses membaca bukan sekadar menjawab soalan pemahaman atau memahami makna beberapa kata atau rangkai kata, tetapi

melibatkan proses mendapatkan makna teks dan strategi yang digunakan untuk tujuan pemahaman (Marohaini Yusuf, 1999). Pembacaan teks akademik pula memerlukan pelajar menganalisis kandungan teks dengan memahami makna kosa kata yang kadang kala sukar untuk difahami. Strategi yang digunakan untuk memahami teks tersebut juga perlu diberikan keutamaan bagi memastikan keberkesanan bacaan.

Untuk memastikan pelajar dapat menguasai kandungan pembelajaran dengan baik, Ghazali Mustapha (1998) menegaskan perlunya penguasaan kemahiran berfikir dalam kalangan pelajar. Melalui penggunaan strategi berfikir yang sistematis, guru dapat mempertingkatkan keupayaan pelajar untuk memahami bahan bacaan kerana mereka sedar akan proses yang dilalui ketika membaca. Oleh itu, keupayaan pelajar dalam menggunakan strategi ini ketika membaca dapat memudahkan proses pemahaman.

Di samping penekanan aspek kognitif dalam membaca, cara pelajar memberikan respons membaca juga penting dalam kurikulum membaca. Pelajar tidak hanya mahir membaca tetapi juga berupaya memberikan respons yang tepat berdasarkan teks yang dibaca melibatkan aspek bahasa, organisasi serta penilaian terhadap pengarang. Bagi menegaskan lagi kepentingan pemahaman membaca, Allington (2001) menyarankan keperluan strategi berpusatkan pembaca di samping memperkenalkan pendekatan metakognitif dalam pengajaran membaca.

Secara langsung, strategi dalam proses membaca melibatkan aspek kognitif, metakognitif dan afektif mempunyai pengaruh dalam proses membaca terutama kepada pembaca yang lebih matang.

### **Membaca Teks Akademik**

Pembelajaran di universiti dijalankan kebanyakannya menerusi pembacaan terutama bagi tujuan menyiapkan tugas dan persediaan peperiksaan. Sesetengah kursus yang diambil menggunakan buku teks yang telah ditetapkan, manakala pelajar juga digalakkan merujuk bahan-bahan lain seperti artikel jurnal, sumber dalam talian (on-line), bab dalam buku, akhbar, laporan dan sebagainya. Ada antara bahan tersebut yang dipilih sendiri oleh pelajar dan sesetengahnya ditetapkan oleh pensyarah.

Bahan dan cara pelajar membaca banyak bergantung kepada pembelajaran dan penilaian tugas yang ditentukan. Oleh itu, tujuan membaca dipengaruhi oleh pemilihan dan bidang yang dibaca. Walau bagaimanapun, aspek lain seperti kandungan, struktur, dan kebiasaan terhadap teks juga mempengaruhi cara seseorang membaca. Pengetahuan sedia ada pelajar berkaitan teks yang dibaca sangat memberikan kesan terhadap proses membaca. Cara membaca dan keberkesanan dari segi pemahaman semasa membaca teks naratif tentulah tidak sama dengan kesan ketika membaca artikel jurnal.



Membaca teks akademik pada peringkat institusi pengajian tinggi juga bertujuan untuk menganalisis kandungan serta mencari maklumat berdasarkan tugas yang diberikan kepada pelajar. Pembaca akan memikirkan strategi yang difikirkan sesuai untuk mencapai matlamat tersebut. Semasa membaca, pelajar menggunakan kesedaran metakognitif dalam menghadapi kesukaran memahami kandungan teks (Ambruster et al.,1983). Strategi membaca juga dilihat membantu proses pemahaman dengan mengambil kira teks yang dibaca, pembaca, dan konteks. Manakala pemahaman pula melibatkan persefahaman di antara pembaca dan penyampaian mesej oleh penulis untuk membentuk makna. Di samping mahir dalam menguasai teks, pelajar-pelajar universiti juga perlu menguasai bahasa sasaran teks dengan baik. Manakala pada domain kognitif yang lebih tinggi, pelajar membaca untuk membuat analisis kandungan teks untuk tujuan yang lebih khusus.

Untuk tujuan tersebut, respons pembaca terhadap teks bertujuan untuk melancarkan lagi perjalanan proses transaksi maklumat daripada penulis kepada pembaca (Smith, 1994). Ini juga melibatkan aspek linguistik seperti penguasaan morfologi, sintaksis dan semantik. Teks akademik amat menekankan isi kandungan melalui penggunaan bahasa yang kadang kala sukar bagi pelajar memahaminya.

Dari perspektif kognitif, membaca pada tahap yang tinggi merupakan proses yang aktif kerana pembaca berinteraksi dengan teks untuk melahirkan makna (Carroll, 2000; Safiah Osman, 1990). Makna yang dimaksudkan ialah